



KPM.600-10/22/6 Jld.55 (67)
Tarikh: 26 Disember 2017

YBrs. Dr. Mohamed Yunus Bin Mohamed Yasin
Presiden
Pertubuhan Sains, Teknologi dan Inovasi, ASTI
No. 16A, Jalan 21/12, Sea Park
46300 Petaling Jaya, Selangor

YBrs. Dr.,

PROJEK "YOUNG INVENTORS CHALLENGE 2018"

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada halangan kepada pihak **Pertubuhan Sains, Teknologi dan Inovasi** untuk melaksanakan *Young Inventors Challenge 2018* bagi murid sekolah menengah seperti yang dimohon.

2. Kelulusan ini juga adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.**

3. Sehubungan dengan itu, pihak YBrs. Dr. perlu mengadakan perbincangan dengan pihak **Pengarah Pendidikan Negeri** yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik serta kelulusan untuk melibatkan murid-murid dalam program ini memandangkan sekolah dan murid tersebut adalah di bawah kawalan pentadbiran negeri berkenaan di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan Guru Besar/Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat;
- 3.2 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.5 Murid-murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 3.6 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.7 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;


.../2

- 3.8 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah, guru dan murid yang terlibat;
- 3.10 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan
- 3.11 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.
4. Untuk makluman YBrs. Dr., pihak KPM sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya penyertaan murid-murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid.
5. Kelulusan ini [Projek "Young Inventors Challenge 2018"] hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh 24 November 2018.

Sekian. Terima kasih.

"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


MOHAMMAD YONG BIN SALLEH
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

KUJUK/SPDK/DIS/2017